

27/07/1999

Barangan Malaysia tambat hati rakyat

Nazar Abdul

KEMPEN guna barangan buatan Malaysia yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pertengahan 1997 berjaya meningkatkan kesedaran rakyat mengenai barangan keluaran tempatan. Kini semakin ramai rakyat Malaysia membeli barangan buatan tempatan daripada barangan buatan luar negara sebagai tanda cinta dan sokongan mereka kepada negara.

Mereka juga memberi sumbangan bermakna kepada usaha kerajaan memulihkan kegawatan ekonomi yang melanda negara di Asia Tenggara termasuk Malaysia.

Sokongan dan sumbangan rakyat Malaysia kini terbukti dengan meningkatnya lebih dagangan negara hingga mencapai angka RM31 bilion tahun lalu berbanding RM20 bilion pada tahun sebelumnya.

Menurut Pengerusi Dewan Perniagaan dan Industri Cina Selangor dan Kuala Lumpur, Kerk Loong Sing angka ini juga menunjukkan rakyat negara ini semakin ramai menggunakan barangan buatan tempatan daripada barangan import.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Ekspo Cintai Malaysia 1999 yang akan diadakan di The Mines Resort City pada 13-22 Ogos ini berkata rakyat Malaysia sudah sedar betapa pentingnya mereka membeli barangan buatan tempatan untuk membantu memulihkan kegawatan ekonomi negara.

Sokongan rakyat amat penting dalam usaha membantu kerajaan memulihkan segera kegawatan ekonomi berikutan angkara spekulator mata wang asing yang menyebabkan nilai ringgit jatuh.

Selain kerajaan mengambil pelbagai langkah kawalan, rakyat juga perlu membantu dengan mengurangkan pembelian barangan import dan mengutamakan barangan buatan tempatan.

Setelah melalui keadaan kegawatan yang teruk, kini semakin ramai rakyat Malaysia menyedari betapa pentingnya mereka mengutamakan barangan buatan tempatan.

Mereka juga semakin sedar dan mengakui bahawa mutu barangan buatan tempatan tidak kurang hebatnya malah sesetengahnya lebih baik daripada barangan luar negara dari segi mutu dan nilainya.

Rakyat Malaysia boleh berbangga kerana sebahagian daripada barangan buatan tempatan begitu terkenal di luar negara kerana mutunya yang tinggi dan mempunyai banyak kelebihan serta unik.

Bagi sesetengah barangan buatan Malaysia, permintaan dari luar negara semakin meningkat dan dengan promosi yang lebih bersungguh-sungguh banyak lagi barangan keluaran tempatan dapat menembusi pasaran antarabangsa.

Pengusaha Malaysia kini sudah mengeluarkan pelbagai barangan daripada makanan, bahan binaan, perabot, kraftangan, peralatan, pakaian, barangan elektrik dan barangan kulit hingga ke kereta Proton dan motosikal Modenas.

Kebanyakan barangan buatan Malaysia di luar negara mendapat sambutan menggalakkan kerana bermutu tinggi dan mempunyai banyak kelebihan dibanding dengan barangan keluaran negara membangun yang lain.

Kerajaan juga sentiasa menyarankan pengilang dan pengusaha Malaysia meningkatkan kegiatan penyelidikan dan penggunaan teknologi terkini bagi meningkatkan mutu barangan keluaran mereka.

Ini penting bagi memastikan barangan keluaran tempatan mempunyai daya saing yang tinggi dan dapat menembusi pasaran antarabangsa yang lebih mencabar.

Berdasarkan keadaan ekonomi yang semakin pulih, Ekspo Cintai Malaysia akan diadakan lagi buat kali keduanya.

Ekspo kali ini akan lebih besar dan menarik dan lebih ramai peserta

mempamerkan pelbagai barangan buatan Malaysia untuk pasaran dalam atau luar negara.

Ia dijangka mencatat rekod sebagai Ekspo Barangan Buatan Malaysia yang terbesar pernah diadakan di negara ini.

Pihak penganjur berharap sasaran 600 gerai akan dicapai pada ekspo kali ini kerana minat pengilang dan pengusaha tempatan sangat menggalakkan. Setakat ini 400 gerai sudah mengesahkan penyertaan berbanding tahun lalu hanya 100 gerai mengesahkan penyertaan pada peringkat awal.

Jumlah pengunjung juga dijangka bertambah daripada 586,000 tahun lalu kepada 800,000 tahun ini memandangkan ekspo kali ini lebih meriah dan menarik.

Pemilik pusat pameran The Mines Exhibition And Showroom Centre juga menawarkan kadar sewa istimewa kepada peserta ekspo bagi menggalakkan mereka menjayakan ekspo terbesar tahun ini.

Menurut Kerk, Perdana Menteri memberi sokongan kuat terhadap penganjuran ekspo berkenaan kerana ia selaras dengan usaha dan kempen kerajaan menggalakkan rakyat membeli barangan buatan tempatan.

Selain itu semua Menteri dan Menteri Besar serta kementerian dan agensi kerajaan turut memberi sokongan bagi menjayakan ekspo ini.

Selain rakyat tempatan, rombongan dari negara asing seperti China dan negara anggota Asean dijangka mengunjungi ekspo ini untuk meninjau peluang mengimport barangan buatan Malaysia.

Rombongan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Selangor-Kuala Lumpur akan mengadakan lawatan ke negara terbabit bagi mengundang rakan-rakan mereka dalam dewan perniagaan mengunjungi ekspo ini.

Pihak penganjur berharap kedatangan pengunjung dari negara asing akan membuka peluang dialog dan perbincangan mengenai perdagangan antara perniaga Malaysia dengan peniaga dari negara terbabit.

Pada masa akan datang rombongan dari Amerika Syarikat, Amerika Latin dan Eropah juga akan dijemput untuk mengunjungi ekspo seperti ini sebagai usaha memperkenalkan barangan buatan Malaysia ke seluruh dunia.

"Ekspo ini juga bertujuan menunjukkan bahawa rakyat Malaysia pelbagai kaum dapat hidup dan bekerja dengan harmoni, aman dan makmur," kata Kerk.

Beliau menegaskan ekspo ini dapat menunjukkan bahawa rakyat Malaysia juga mampu mengeluarkan pelbagai barangan keperluan masyarakat yang bermutu tinggi dan mempunyai banyak keistimewaan untuk pasaran dalam dan luar negara.

Bagaimanapun menurut Kerk matlamat utama ekspo ini ialah memupuk semangat cintakan negara di kalangan rakyat dan menggalakkan rakyat Malaysia mengutamakan barangan buatan tempatan.

Selain itu, ekspo seperti ini juga diharap dapat melariskan pasaran dalam negeri bagi pelbagai produk tempatan terutamanya ketika negara menghadapi kegawatan ekonomi dan menerokai pasaran antarabangsa yang sangat luas.

Penganjuran ekspo yang besar ini juga membuktikan pengusaha dan peniaga Malaysia masih dapat bertahan dan melalui masa kegawatan ekonomi dengan baik dan selamat.

Sementara itu Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob melancarkan secara rasmi ekspo ini dan pembukaan laman web ekspo pada 9 Mac lalu sebagai langkah awal menarik penyertaan pengusaha dan pengilang seluruh negara menjayakan ekspo ini.

Tahun lalu ekspo yang sama menarik minat 442 peserta dan mendapat sambutan menggalakkan daripada lebih 586,000 pengunjung dari dalam dan luar negara.

Pihak penganjur berharap rakyat Malaysia tidak akan melepaskan peluang baik untuk mengunjungi ekspo kali ini yang akan diserikan lagi dengan pelbagai acara dan kegiatan yang menarik.

(END)